

Malaysia perlu pengur korporat yang cekap

RH 10 DEC 1992

SEMALAM dislarkan bahagian pertama sedutan rancangan bersama 'Perdana Menteri' terbitan RTM, wawancara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan wakil-wakil media massa tempatan. Hari ini disiarkan pula bahagian kedua dan terakhir sedutan rancangan itu.

JAAFAR KAMIN: Bagaimana pula peringkat korporat. Misalnya, dalam dasar penswastaaan dan industri rangan. Apa pandangan dan prospek yang mungkin dapat Datuk Seri bayangkan?

Kita sekarang bersaing dengan seluruh dunia dan tidak lagi menjadi satu ekonomi yang bertutup. Dengan itu kita perlukan kecekapan dalam bidang korporat. Kita memerlukan pengurus yang berkebolehan. Mereka memanglah dibayar gaji yang cukup tinggi. Kita perhatikan di Amerika Syarikat, umpamanya, pada mulanya industri mereka menjadi industri gergasi dengan pengurus-pengurus yang dibayar gaji yang cukup tinggi. Tetapi akhirnya mereka menumpukan kepada gaji mereka dan gaji pekerja sahaja dan tidak kepada produktiviti. Oleh itu sekarang kita dapati prestasi mereka sudah merosot. Apa yang berlaku di Amerika ialah industri diuruskan oleh orang yang hendak gaji terlalu besar. Untuk meyakinkan pemegang saham supaya dia dibayar gaji yang tinggi, maka dia berusaha supaya tiap-tiap tahun dibayar dividen yang tinggi dan mendapat keuntungan yang banyak. Bila keuntungan banyak, pemegang saham pun berpuas hati, walaupun pengurus

dibayar gaji besar. Tetapi apa yang berlaku ialah mereka tidak menggunakan keuntungan untuk melabur dalam bidang 'research' supaya barangan mereka menjadi lebih sofistikated, lebih moden dan lebih mudah diterima. Akhirnya, barangan mereka jatuh kualitinya, umpamanya, berbanding dengan Jepun. Dengan jatuhnya kualiti akhirnya syarikat-syarikat gergasi di Amerika ini merosot. Sekarang kita dapati General Motors, Chrysler, semuanya prestasi mereka rendah. Jenis kereta mereka juga tidak baik, tidak boleh bersaing dengan kereta buatan Jepun kerana mereka tidak menumpukan kepada peningkatan kebolehan mereka.

Sebaliknya mereka lebih mengutamakan gaji bagi pengurus dan dividen bagi pemegang saham. Ini kita harus berjaga-jaga di Malaysia. Jangan kita terlalu taksuf dengan gaji besar sehingga kita lupa kepentingan meningkatkan keupayaan industri kita supaya terus boleh bersaing dengan negara-negara lain. Dan pemegang saham pula tidak boleh terlalu mengharapkan keuntungan yang besar dan berpuas hati kerana keuntungan adalah besar. Kita boleh mendapat faedah besar kalau se-

mua keuntungan itu dibahagi-bahagikan. tetapi kalau keuntungan itu tidak dilabur balik dalam 'research', pemasaran, promosi, akhirnya industri itu akan merosot. Kita harus belajar dari Jepun cara yang saya fikir lebih bijak. Negara-Negara Barat sekarang sudah gagal dalam saingan mereka dengan syarikat-syarikat gergasi Jepun. Dan kita pula sudah masuk dalam bidang syarikat besar ini.

Ahmad Nazri: Di Amerika, seperti contoh Datuk Seri Seri, pengurus syarikat menjadi semacam satu komoditi yang boleh ditukar dengan tawaran gaji dan 'share-option'. Tawaran saham atau 'share-option' ini adalah salah satu punca yang menyebabkan 'factory' mereka merosot kerana semua hendak mencari 'perks' yang lumayan. Walaupun Datuk Seri kata kita harus berjaga-jaga tetapi elemen ini sudah ada di sini. Di sini pun tawaran saham untuk mereka ini sudah ada. Saya ingat di Amerika mereka sedang berfikir bagaimana untuk menyekatnya.

Unfuk menyekatnya sukar melainkan pemegang saham meneliti pencapaian prestasi syarikat mereka. Pemegang saham juga mesti memainkan fungsi yang baik iaitu mempunyai kecekapan bukan sahaja untuk mendapatkan keuntungan tetapi juga menentukan syarikat itu kekal. Syarikat gergasi tidak semacam syarikat milik keluarga yang akan hilang selepas satu generasi. Syarikat gergasi korporat yang dimiliki oleh orang

ramai akan berterusan mungkin seratus tahun, dua ratus tahun. Sama ada dia kekal ataupun tidak, bergantung kepada kualiti pemegang sahamnya. Tidak semua tetapi sesetengah pemegang saham mesti mengambil berat prestasi syarikat.

Pihak kerajaan hanya boleh menasihati. Kita boleh menjelaskan, macam saya cuba jelaskan di sini, akan keburukan yang akan datang kalau pengurus-pengurus syarikat besar ini menumpukan perhatian hanya kepada gaji mereka, bonus mereka, dan saham yang diberikan kepada mereka. Kalau mereka menumpukan kepada itu sahaja, maka ini adalah petanda bahawa syarikat itu tidak akan kekal. Ini patut ditukar. Walaupun prestasi syarikat baik, orang yang mengambil terlalu banyak keuntungan bagi dirinya, orang itu patut dipindahkan. Kita pilih pengurus yang lain. Itu pendapat saya.

Ahmad Nazri: Tidak ada cinta kepada syarikat tetapi cinta kepada ganjaran.

Orang yang macam ini dia suka melompat. Kalau kita perhatikan di Jepun, kalau dia bekerja dengan satu syarikat sampai mati dia akan bekerja dengan syarikat itu. Kalau mereka (di Malaysia) pengurus besar satu syarikat gergasi dan tahun depan ditawarkan gaji lebih, dia akan melompat. Tahun depan (diberi gaji lebih) lagi sekali dia melompat. Siapa membayar gaji lebih sedikit, dia melompat. Orang ini nampak gaji sa-